

KERATAN AKHBAR

Tarikh Siaran : 7 MEI 2025 (RABU)
Akhbar : SINAR HARIAN
Jenis Akhbar : BAHASA MELAYU
Kategori Berita/Isu : NASIONAL
Mukasurat : 10
Tajuk : AMALAN CHRISTMAS SHOPPING DALAM PERKHIDMATAN AWAM PERLU DIELAKKAN - KSN

Amalan *Christmas Shopping* dalam perkhidmatan awam perlu dielakkan - KSN

PUTRAJAYA - Amalan pembelian tergesa-gesa pada hujung tahun atau *Christmas Shopping* dalam perkhidmatan awam yang menyebabkan pembaziran sumber perlu dielakkan sama sekali, kata Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.



SHAMSUL AZRI

Beliau berkata, pengurusan perbelanjaan tidak berhemat bukan sahaja menjejaskan kecekapan penggunaan sumber, malah boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap integriti dan tadbir urus kerajaan.

Shamsul Azri berkata, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) membangkitkan isu-isu pengurusan kewangan kerajaan, namun isu penyelewengan dan pembaziran sumber awam masih berlaku.

“Jika dibiarkan isu ini jadi makin kompleks dan tiada penyelesaian tuntas, ia akan menjejaskan kredibiliti dan persepsi masyarakat terhadap penjawat awam secara umumnya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis perasmian Seminar Perakaunan Pengurusan 2025 bertema Perakaunan Pengurusan: Daripada Data kepada Pembuatan Keputusan anjuran Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) di sini pada Selasa. Teks ucapannya dibacakan Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Justeru, Shamsul Azri berkata, penjawat awam perlu memastikan ketelusan, integriti kebertanggungjawaban menjadi teras kepada prinsip-prinsip dalam tatakelola dan etika. -

Bernama